

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026
PRINSIP PERAKAUNAN
Tingkatan 5
Kertas 1
1 ¼ jam



Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **16** halaman bercetak.

1. Hamidah Enterprise menggunakan kaedah baki berkurangan untuk mengira susut nilai kenderaan sejak 5 tahun yang lalu.

Apakah prinsip yang diamalkan?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Usaha berterusan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

2. Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah milikan perniagaan

- Ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Liabiliti tidak terhad

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Ani Taylor
- B Big Brown Berhad
- C Hami dan Hamiza Bakery
- D Syarikat Kesuma Sdn. Bhd.

3. Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan?

	Liabiliti RM	Aset RM	Modal RM
A	4 000	12 000	16 000
B	2 000	10 000	12 000
C	3 000	6 000	3 000
D	12 000	5 000	7 000

4. Antara yang berikut, hasil manakah yang diperolehi daripada aktiviti yang tidak berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan?

- I Jualan
- II Sewa diterima
- III Yuran khidmat guaman
- IV Faedah atas simpanan bank

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV



5. Perniagaan Sutera Indah menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
1000 - 1999	Akaun Aset
2000 - 2999	Akaun Liabiliti
3000 - 3999	Akaun Hasil
4000 - 4999	Akaun Belanja
5000 - 5999	Akaun Ekuiti Pemilik


Apakah nombor kod yang betul bagi Akaun Deposit Kadar Bayaran?

- A 4210
- B 3180
- C 2615
- D 1020

6. Padanan manakah yang tepat tentang dokumen perniagaan dan urus niaganya?

	Dokumen	Urus Niaga
A	Memo	Bukti pengesahan pembayaran
B	Invois	Belian barang niaga secara kredit
C	Nota kredit	Penambahan hutang pembeli
D	Keratan cek	Bayaran hutang secara tunai

7. Rajah berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.



Apakah Q?

- A Invois
- B Makluman Debit
- C Slip Bank
- D Sebut Harga

8. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Ben Wahab.

ASAL	INVOIS	NO:0044004
DUNIA BARU BERHAD No.13, Jalan Camar, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor		
Kepada: BEN WAHAB 33 Jalan Sungai Marong, 24100 Bentong, Pahang		
		Tarikh : 5 Julai 2025
Bil	Butiran	Kuantiti
		Hg/unit
		RM
		Jumlah
		RM
1	Penapis air RX 1100	5 unit
2	Penapis air RX 3300	5 unit
		1 400.00
		3 400.00
		7 000
		17 000
		00
		24 000
		00
	<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>	2 400
		00
	JUMLAH	21 600
		00

(Ringgit Malaysia : Dua puluh satu ribu enam ratus sahaja)

Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari


 Hussien
 Pengurus

Apakah buku catatan pertama bagi merekod dokumen di atas?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Pulangan Belian



9. Urus niaga berikut berlaku pada Perniagaan Mekar Seroja.

2025

Mei 25 Pemilik membuat ambilan tunai RM500 untuk kegunaan peribadi.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga berkenaan?

A	Akaun Ambilan			
	2025		RM	
	Mei 25	Belian	500	
	Akaun Belian			
		2025		RM
		Mei 25	Ambilan	500
B	Akaun Ambilan			
		2025		RM
		Mei 25	Belian	500
	Akaun Belian			
	2025		RM	
	Mei 25	Ambilan	500	
C	Akaun Ambilan			
	2025		RM	
	Mei 25	Tunai	500	
	Akaun Tunai			
		2025		RM
		Mei 25	Ambilan	500
D	Akaun Ambilan			
		2025		RM
		Mei 25	Tunai	500
	Akaun Tunai			
	2025		RM	
	Mei 25	Ambilan	500	

10. Antara yang berikut, bayaran manakah yang direkod dalam Buku Tunai Runcit?

- I Belian perabot RM1 000
- II Minuman pelanggan RM20
- III Bungkusan pos RM15
- IV Gaji pekerja RM800

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- A Jualan
- B Pulangan keluar
- C Pulangan masuk
- D Diskaun diberi

12. Apakah kesan nilai inventori yang tinggi ke atas kos jualan dan untung kasar?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Rendah	Rendah
B	Tinggi	Tinggi
C	Rendah	Tinggi
D	Tinggi	Rendah

13. Maklumat berikut diambil daripada buku Citra Nusantara Enterprise.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Komisen belum terima	240	400
Komisen diterima belum terperoleh	360	620

Maklumat tambahan:

Komisen diterima berjumlah RM2 200 dengan cek pada 15 Disember 2025.

Berapakah komisen diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM2 100
- B RM2 180
- C RM2 300
- D RM2 620

14. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Seri Warisan pada 31 Disember 2025.

	RM
Utiliti belum bayar 1 Januari 2025	1 720
Bayaran Utiliti	8 100
Utiliti tahunan	7 800

Berapakah utiliti belum bayar bagi tahun tersebut?

- A RM300
 B RM1 420
 C RM1 720
 D RM2 020
15. Catatan bergu manakah yang betul untuk merekod hutang lapuk?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	Hutang lapuk
B	Hutang lapuk	Akaun Belum Terima
C	Peruntukan hutang ragu	Hutang lapuk
D	Hutang lapuk	Peruntukan hutang ragu

16. Maklumat berikut menunjukkan pembelian kelengkapan oleh Arwana Enterprise sepanjang tahun 2025.

Tarikh	RM
1 Januari 2025	2 300
31 Mei 2025	4 200
31 Disember 2025	5 400

Polisi perniagaan menetapkan susut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM555
 B RM520
 C RM510
 D RM475

17. Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Perniagaan Gambathe.

Tarikh beli	:	1 Jun 2023
Mesin (Kos)	:	RM26 000
Kadar susut nilai	:	15% setahun atas kos
Tarikh jual	:	31 Mei 2025
Harga jual	:	RM17 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

- A RM1 200
 B RM1 525
 C RM5 100
 D RM9 000
18. Jualan kepada Encik Hariz RM2 200 tersalah rekod ke dalam akaun Encik Hafiz sebanyak RM2 200.

Bagaimanakah urus niaga ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025 Dis 31	Hariz Hafiz	RM 2 200	RM 2 200

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025 Dis 31	Hafiz Hariz	RM 2 200	RM 2 200

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025 Dis 31	Hafiz Jualan	RM 2 200	RM 2 200

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025 Dis 31	Hariz Jualan	RM 2 200	RM 2 200



19. Apakah tujuan analisis penyata kewangan?

- A Membantu pihak dalaman mengenalpasti penyelewengan dan kecurian tunai
- B Membantu pihak pelabur untuk membuat keputusan berkaitan kemudahan kredit
- C Membantu pihak pengurusan menilai prestasi perniagaan dan seterusnya membuat keputusan kewangan perniagaan
- D Membantu pihak luaran menilai prestasi perniagaan dan seterusnya membuat pelaburan

20. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Butik Andini.

	RM
Inventori awal	4 150
Inventori akhir	2 100
Aset semasa	22 000
Aset bukan semasa	50 500
Modal kerja	6 300
Liabiliti bukan semasa	26 800

Berapakah nisbah ujian asid Butik Andini?

- A 1 : 1
- B 1.27 : 1
- C 1.34 : 1
- D 2.47 : 1

21. Apakah maklumat yang diperlukan dalam menentukan untung atau rugi?

- I Hasil
- II Belanja
- III Ambilan
- IV Modal Awal

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

22. Kedai Runcit Amir beroperasi di Simpang Empat, Perlis. Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaannya.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Akaun belum terima	3 400	9 700

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan masuk RM450
- (ii) Penerimaan daripada Akaun Belum Terima RM11 200

Berapakah jualan kredit?

- A RM4 450
- B RM5 350
- C RM17 050
- D RM17 950

23. Asmahan tidak menyimpan buku akaun yang lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2025.

2024		RM
Julai 1	Faedah atas pinjaman belum bayar	570
2025		
Jun 30	Jumlah pembayaran faedah atas pinjaman	4 430
	Faedah atas pinjam belum bayar	320

Berapakah jumlah faedah atas pinjaman yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025?

- A RM4 680
- B RM4 180
- C RM570
- D RM320

24. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank Perniagaan Ayra pada bulan Julai 2025.

Buku Tunai (ruangan bank)						
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2025		RM	2025			RM
Jul 8	Jualan	8 000	Jul 1	Baki b/b		400
25	Qassim	9 500	12	Belian	000100	5 000
			23	Amin	000101	800
			25	Insurans	000102	500
			31	Baki h/b		10 800
		17 500				17 500

Penyata Bank					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
			RM	RM	RM
2025					
Jul 1	Baki b/b				800
7	Cek	000099	1200		(400)
9	Deposit			8 000	7 600
15	Dividen – Suasana Berhad			3 550	11 150
25	Cek	000101	800		10 350

Berapakan nilai cek belum dikemukakan?

- A RM3 550
 B RM5 500
 C RM9 050
 D RM10 700

25. Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Kedai Zulaikha pada 31 Mac 2026.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2026		RM
X		(2 000)
(+) Deposit belum dikreditkan Sarah		3 000
		1 000
(-) Cek belum dikemukakan Mira		800
Y		200

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
B	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai



26. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Ikatan perjanjian
 - B Perjanjian perkongsian
 - C Akta Perkongsian 1961
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
27. Petikan Akaun Pengasingan Untung Rugi berikut diperoleh daripada perkongsian Harith dan Hadith. Mereka bersetuju membahagikan untung rugi dengan nisbah 2 : 1.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

	RM		RM
Faedah atas Modal	7 300	Untung Bersih	21 500
Akaun Semasa Harith	?	Faedah atas Ambilan	500
Akaun Semasa Hadith	?		

Berapakah Akaun Semasa yang Harith peroleh?

- A RM4 900
 - B RM9 800
 - C RM14 700
 - D RM18 867
- 28 Shaza dan Waiz merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian ShaWa. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2025.

	RM
Gaji tahunan Shaza	8 000
Gaji belum dibayar kepada Shaza	5 000

Berapakah gaji yang perlu direkod dalam Akaun Semasa Shaza?

- A RM13 000
- B RM8 000
- C RM5 000
- D RM3 000

29. Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I Salah seorang pekongsi meninggal dunia
- II Perniagaan perkongsian mendapat kerugian
- III Seorang pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadi
- IV Perniagaan perkongsian ditukarkan kepada syarikat berhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Maklumat berikut berkaitan dengan langkah-langkah merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am.

- I Merekod pembayaran balik modal kepada pekongsi
- II Merekod pembayaran semua liabiliti perniagaan
- III Merekod penutupan semua akaun aset
- IV Merekod penerimaan tunai daripada penjualan aset serta membayar belanja realisasi

Pilih susunan yang betul.

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, II, I
- D IV, I, II, III

31. Maklumat berikut berkaitan modal Kangar Jaya Berhad.

Modal diterbitkan:

1 500 000 Syer Biasa RM1 sesyer

1 500 000 unit 8% Syer Keutamaan RM2 sesyer

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.
Berapakah nilai modal yang diterbitkan?

- A RM3 000 000
- B RM4 500 000
- C RM7 500 000
- D RM10 000 000

32. Berikut ialah petikan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Borong Deens Kangar Berhad pada 31 Disember 2025.

Syarikat Borong Deens Kangar Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 (Petikan)

RM

Ekuiti Pemilik

X

7 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	14 000 000
3 500 000 unit Syer Biasa	3 500 000
	<u>17 500 000</u>

Apakah butir bagi X?

- A Modal Dibenarkan
 - B Modal Diterbitkan
 - C Modal Dibenarkan dan Berbayar Penuh
 - D Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
33. Syarikat Hygine Berhad bercadang untuk mengagihkan keuntungan kepada pemegang syernya. Keuntungan yang diperoleh syarikat pada akhir tempoh kewangan ialah RM46 800.

Maklumat diperoleh menunjukkan syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 150 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Berapakah jumlah dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa?

- A RM9 000
 - B RM22 800
 - C RM24 000
 - D RM46 800
34. Manakah bukan matlamat penubuhan kelab dan persatuan?
- A Berorientasikan keuntungan
 - B Menjaga kepentingan ahli
 - C Menyediakan kemudahan kepada ahli
 - D Mengadakan perkhidmatan sosial, rekreasi dan sukan

35. Apakah pendapatan modal bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Yuran ahli
- B Jualan cenderamata
- C Yuran pertandingan
- D Derma bina gelanggang

36. Berikut ialah komponen kos pengeluaran. Pilih padanan yang betul.

	Komponen Kos	Belanja
A	Kos Overhed	Promosi
B	Kos Buruh Langsung	Gaji Penyelia Kilang
C	Kos Bahan Langsung	Gaji Operator Pengeluaran
D	Belanja Langsung Kilang	Hak Cipta

37. Berikut adalah maklumat berkaitan Kilang Mee Razak.

Kilang Mee Razak			
Akaun Perdagangan bagi tahun Berakhir 30 April 2026 (Petikan)			
	RM		RM
Inventori awal	1 740	Jualan	125 000
X	76 000		
	77 740		

Apakah butir bagi **X**?

- A Kos pengeluaran
- B Belian bahan mentah
- C Kos barang untuk dijual
- D Angkutan masuk bahan mentah

38. Apakah tujuan utama Analisis Titik Pulang Modal?

- A Menentukan tahap pengeluaran yang optimum yang perlu dicapai untuk mengelakkan kerugian
- B Melaksanakan penjimatan kos pengeluaran
- C Menentukan tahap jualan yang maksimum
- D Mencapai tahap kecekapan pekerja

39. Pernyataan berikut merupakan kos yang terlibat dalam Kilang Kopi Sedap.

	RM
Harga Jualan Sepek	8
Kos Berubah Seunit	3
Kos Tetap	2 400

Berapakah Titik Pulang Modal (TPM) yang baru sekiranya kos berubah seunit meningkat sebanyak RM1?

- A 300 unit
 - B 400 unit
 - C 600 unit
 - D 800 unit
40. Maklumat berikut dipetik daripada Kilang Maruku.

Kuantiti	Jumlah Kos RM	Hasil RM
0	4 000	0
1 000	6 000	5 000

Berapakah unit pengeluaran yang akan dihasilkan jika sasaran untungnya ialah RM2 000?

- A 1 200 unit
- B 2 000 unit
- C 3 000 unit
- D 4 000 unit

KERTAS SOALAN TAMAT